

Jangan taksu: Mahathir

B.H 24 SEP 1993

Oleh Othman Mamat dan Ahmad Zaini

JITRA, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ahli Umno bahawa kempen yang bukan untuk kebaikan parti tetapi semata-mata kerana mahu memberi kemenangan kepada calon mereka, tidak menguntungkan Umno.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, perbuatan itu tentunya merugikan Umno kerana parti lawan akan menggunakan pelbagai tuduhan yang dibuat oleh ahli parti sepanjang kempen pemilihan pucuk pimpinan, untuk menghentam Umno semula.

Beliau menyifatkan kemenangan yang diperolehi oleh ahli Umno untuk calon mereka menerusi cara tidak baik adalah kemenangan kosong yang tidak lagi berguna kerana parti yang akan mereka pimpin..

"Kalau pun akhirnya (kempen buruk itu) memberi kemenangan kepada calon mereka, kemenangan itu adalah kemenangan kosong kerana parti yang mereka akan pimpin sudah jadi lemah.

"Kalau kita dapat jadi presiden tetapi parti kita rosak, tak guna juga. Kita jangan marah kalau tidak dapat parti sepenuhnya tetapi hanya mendapat

sekerat parti," katanya.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra, di sini hari ini, Presiden Umno itu berkata, perbuatan memburukkan parti, tuduhan tidak tepat atau mengeluarkan wang untuk membeli undi, adalah cara kempen yang merosakkan parti.

Sehubungan dengan itu, beliau menasihati ahli Umno memilih pemimpin yang boleh membawa kebaikan kepada parti dan bukan kerana mereka baik dan pernah memberi lesen atau peruntukan tertentu.

Dr Mahathir berkata, seseorang ahli Umno dianggap menyeleweng daripada perjuangan parti jika mereka begitu taksu dengan seseorang pemimpin sehingga tidak memperdulikan apa yang akan terjadi kepada parti.

"Yang jelas di sini, kalau kita tumpu kepada peribadi seseorang atau tubuh badan seseorang, maka kita akan lupa akan perjuangan asas. Kita tubuh Umno bukan sebab nak bagi seseorang jadi presiden atau timbalan presiden.

LIHAT MUKA 2

Masih ada ahli tidak faham

B.H 24 SEP 1993

DARI MUKA 1

"Kita tubuh Umno kerana ada perjuangan tertentu untuk orang Melayu, untuk Bumiputera," katanya.

Dr Mahathir yang juga Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu berkata, setengah ahli Umno tidak faham tujuan pemilihan sehingga mereka beranggapan ia bertujuan membolehkan orang yang lama berjuang, mendapat tempat dalam parti.

"Kadang-kadang saya berasa seolah-olah kita tidak faham (makna) demokrasi. Demokrasi memberi peluang kepada kita memilih pemimpin dan bukan untuk memecahkan parti.

"Kita nak pilih, pilihlah dan selepas pilih, sudahlah dan lepas itu kita balik kepada parti (untuk) berjuang menjayakan hasrat parti," katanya.

Beliau berkata, dalam Umno ada golongan tua dan muda tetapi golongan tua tidak seharusnya beranggapan mereka sebagai orang tua tidak perlu memberi peranan kepada golongan muda.

"Seperti juga pada masa dia muda dulu, dia nak satu peranan. Demikian juga hari ini, orang muda lain pulak nak peranan itu. Dia tidak boleh kata, dulu saya muda, saya nak peranan, tetapi sekarang saya tua, tak perlu nak bagi pemuda peranan," katanya.

Beliau berkata, golongan muda juga perlu ingat bahawa mereka akan menjadi tua menyebabkan mereka tidak boleh berkata, bahawa golongan tua tidak ada peranan kerana apabila tua kelak, mereka juga mahukan peranan.

"Saya dulu muda juga dan marah kepada orang tua (kerana) lambat, tidak bergerak, tidak cergas. Sekarang saya tua, jadi saya masih nak main peranan kalau orang nak (Dr Mahathir)," katanya.